

ST 17/3/2011  
MLS 28

# Maqis Perak rampas telur sotong katak

**LUMUT** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas dua tong ikan yang berisi telur sotong katak seberat 160 kilogram (kg) di pintu masuk jabatan tersebut di Pelabuhan Lumut, di sini pada Isnin.

Pengarah Maqis Perak, Rozita Superman berkata, barang yang dianggarkan bernilai RM4,800 itu cuba dibawa masuk dari negara Indonesia tanpa permit Maqis yang sah.

Menurutnya, tindakan tersebut dibuat hasil peme-

riksaan rutin yang dilakukan oleh pegawai Maqis ke atas tong-tong ikan tersebut setelah mendapati 20 kotak telur sotong katak sejuk beku ditemui di dalam tong tersebut.

"Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit import dikeluarkan Maqis merupakan suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak mele-

bihi RM100,000 atau di-penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama," katanya dalam satu kenyataan akhbar pada Selasa.

Rozita berkata, Maqis Perak sentiasa komited dalam menjalankan tugas di pintu-pintu masuk negara ini bagi memastikan sebarang kemasukan produk pertanian, perikanan dan haiwan sentiasa dipatuhi bagi menjamin keselamatan makanan negara.